



Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat memeriksa dan berusaha memadam kebakaran hutan tanah gambut di kawasan Perindustrian Gebeng, semalam.

28/2/19 MS 22 B/HARIAN

Kebakaran hutan Gebeng merebak

Kuantan: Kebakaran hutan di kawasan perindustrian Gebeng di sini, kini merebak ke kawasan seluas 60 hektar, semalam, berbanding 40 hektar, kelmarin.

Keadaan angin ditambah cuaca panas dan kering menjadi faktor api cepat merebak.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Nor Hisham Mohamad, berkata buat masa ini hanya 20 peratus kawasan terbakar dapat dipadamkan.

"Tumpuan kita adalah memastikan api tidak merebak ke Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) yang

terletak kira-kira satu kilometer dari hutan ini.

Keadaan masih terkawal

"Meskipun kawasan terjejas semakin luas, buat masa ini masih terkawal. Kita juga memohon bantuan unit udara dari ibu pejabat JBPM bagi melancarkan operasi pepadaman," katanya ketika ditemui, semalam.

Nor Hisham berkata, pihaknya membuat permohonan meminjam pam berkapasiti tinggi dari JBPM Terengganu.

Katanya, JBPM Pahang mempunyai sebuah pam kapasiti tinggi dan jika ada tambahan pam, pihaknya dapat menaik-

kan paras air di kawasan kebakaran menggunakan air dua tasik di kawasan hutan itu.

"Operasi pepadaman ini mendapat bantuan pasukan Gebeng Emergency Mutual Aid (GEMA) yang terdiri daripada pekerja kilang utama di kawasan perindustrian Gebeng.

"Kita bahagikan operasi ini kepada dua syif dengan setiap syif mabatkan 30 anggota bagi melancarkan operasi," katanya.

Kebakaran hutan akasia itu yang juga bekas kawasan pengeluaran balak dikesan jam 2 petang kelmarin, dipercayai berpunca daripada tindakan pemancing meninggalkan pun-

tung rokok atau menyalakan unggun api ketika memancing di tasik di hutan berkenaan.

Nor Hisham menasihatkan orang ramai tidak melakukan pembakaran pada musim panas yang boleh menyebabkan kebakaran sehingga menjejaskan jarak penglihatan.

"Kita dapati sejak minggu lalu trend kebakaran mula meningkat, Sabtu lalu 24 laporan kebakaran diterima, Ahad (20) dan semalam pula 19 laporan.

"Ada tiga kebakaran besar iaitu di sini (Gebeng), ladang di Muadzam Shah membabitkan hutan lapan hektar dan laluan di Nenasi, Pekan," katanya.